

Submission date: 22/08/2017

Accepted date: 24/11/2017

**PEMBELAJARAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH): KE
ARAH MELAHIRKAN GENERASI SEIMBANG UNTUK
PEMBANGUNAN NEGARA**

*Islamic Lifelong Learning:
Towards Producing a Balanced Generation for National Development*

Khatijah Othman^a, Zulkiple Abd Ghani^a, Mazihtusima Ishak^b, Siti
Rugayah Tibek^a, Noor Azizi Ismail^b

^aFakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

^bFakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Malaysia

khatijah@usim.edu.my

Abstrak

Pembangunan sesebuah negara bergantung kepada banyak faktor, di antaranya adalah pembangunan manusia, industri, dan ekonomi secara lestari. Pembangunan lestari yang dimaksudkan adalah memberi perhatian kepada pemuliharaan dan pemeliharaan kesejahteraan manusia dan ekosistem ekonomi secara seiring dan seimbang. Manakala kelestarian ilmu adalah menjadi teraju utama dalam pembangunan diri manusia. Penyediaan ilmu yang berterusan kepada generasi muda hari ini adalah sangat penting dalam mendidik dan membentuk keperibadian serta keseimbangan generasi muda hari ini. Artikel ini adalah bertujuan untuk membincangkan secara konseptual tentang bagaimana kelestarian ilmu itu berfokus kepada PISH dalam membentuk keseimbangan pada generasi akan datang. Keseimbangan diri manusia adalah keseimbangan hasil jalinan ilmu duniawi dan ukhrawi yang menyumbang kepada pembinaan generasi yang mampan dari segi intelektual, perlakuan, pemikiran, yang mempunyai matlamat yang jelas dalam membangunkan negara. Kajian literatur dijalankan dari data sekunder yang diperolehi dari sumber perpustakaan dan juga laman web berkenaan dengan pembangunan lestari dan hubungkaitnya dengan PISH. Analisis kualitatif adalah berdasarkan dari analisis kandungan literatur berkenaan dengan PISH dan juga kelestarian dalam pembangunan insan dan negara. Penemuan kertas kerja ini diharapkan dapat membawa kepada satu pemahaman bahawa PISH sebenarnya adalah menjadi faktor utama yang membawa nilai keseimbangan dalam diri individu terutamanya dalam mendidik masyarakat secara berterusan dalam gagasan membangunkan negara secara lestari dan mempunyai ekonomi yang berdaya saing di peringkat global.

Kata kunci: pembelajaran Islam sepanjang hayat, generasi seimbang, pembangunan negara.

Abstract

The development of a country depends on many key factors, such as sustainable human, industrial, and economic development. The sustainable development in this regard is to pay attention to conservation and maintenance of human well-being and ecosystem economically and balanced. In developing human well-being, the preservation of knowledge is a key element in human self-development. In this case, the provision of ongoing knowledge to the younger generation is very important in educating and forming the personality and balance of the younger generation today. This article is intended to discuss conceptually on how the sustainability of the knowledge is focused on Lifelong Islamic Learning (PISH) in shaping the balance of future generations. Human self-balance is the balance of earthly and Ukhrawi knowledge that contributes to the development of a sustainable generation in terms of intellectual, behavioral, thinking, which has a clear goal in developing the nation. Literature review is carried out from secondary data obtained from library sources as well as sites related to sustainable development and its relationship with PISH. Qualitative analysis is based on analysis of literature content regarding PISH as well as sustainability in human development and nation. The findings of this paper are expected to lead to an understanding that PISH is actually a key factor in bringing value to the individual, especially in educating the community on an ongoing basis in the idea of developing a nation sustainably and having a globally competitive economy.

Key words: Lifelong Islamic learning, balanced generation, national development.

PENDAHULUAN

Laporan Suruhanjaya Selatan 1990, mendefinisikan pembangunan adalah sebagai satu proses yang membolehkan manusia merealisasikan potensi, membina keyakinan serta membawa kehidupan ke arah kemuliaan dan penuh bermakna dimana ia membebaskan manusia dari rasa takut untuk meminta dan dieksploitasi (Othman & Pon, 2005:2). Pembangunan negara secara umumnya adalah satu pembangunan yang membawa kepada kesejahteraan keseluruhan rakyat yang berada dalam negara tersebut. Pembangunan sesebuah negara bergantung kepada empat faktor penting yang meliputi kecekapan untuk memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang pesat, pembahagian kekayaan yang adil yang meliputi pembasmi kemiskinan dan pengurangan jurang perbezaan pendapatan, mampan untuk menjamin pembangunan kini serta tidak mengancam generasi akan datang dan membangunkan keupayaan rakyat terutamanya golongan miskin (Mohd Balwi, 2005:33).

Walau bagaimanapun, pada masa kini dasar negara sangat menitikberatkan tentang pembangunan secara lestari iaitu pembangunan secara mampan yang mengambil kira segala aspek kehidupan manusia dan juga eko-sistem kehidupan yang lain. Dalam hal ini para sarjana

seperti Martens (2007) juga Dale dan Newman (2005) menekankan bahawa pembangunan lestari menitikberatkan kepentingan terhadap tiga teras utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar yang disifatkan sebagai satu proses multidimensi. Ianya adalah bagi memastikan pembangunan ekonomi untuk kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat, penggunaan sumber secara bijaksana dan memastikan pemuliharaan terhadap alam sekitar dan juga sistem ekologi berada dalam kondisi yang baik (Munasinghe, 2008). Pembangunan lestari (*sustainability development*) adalah membawa maksud bahawa sesuatu pembangunan itu seharusnya membawa kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara yang inklusif dan mesra alam. Pembangunan negara yang dimaksudkan ini adalah satu pembangunan yang mampu mengurangkan kemiskinan, cekap dalam pengurusan sumber dan membina kemakmuran bersama bagi penduduk hari ini dan seterusnya mampu memenuhi keperluan generasi akan datang (World Bank, 2016). Oleh itu, istilah pembangunan lestari itu sendiri sebenarnya membawa maksud yang pelbagai. Walaubagaimanapun, dalam kepelbagaian tersebut terdapat tiga unsur penting yang mesti diambil kira iaitu ekologi, sosial dan ekonomi (Choy, Nur Azlin & Mohd Fakhurulrazi, 2015).

Dalam hal ini, pemahaman terhadap konsep pertumbuhan secara inklusif adalah satu keperluan dalam menitikberatkan usaha ke arah pembasmian kemiskinan dan juga peluang sama-rata rakyat untuk mendapat peluang pekerjaan seterusnya menjamin kualiti kehidupan secara menyeluruh terutamanya meningkatkan mekanisme dalam menghadapi isu-isu sosial (Siwar, Damanhuri, & Aziz, 2011). Secara umumnya tahap dan nilai kualiti hidup merupakan ciri penting bagi pembangunan lestari Malaysia selaras dengan matlamat untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Seperti mana dalam laporan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) 2011, yang menilai kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat di Malaysia bagi tempoh 2000-2010 berdasarkan 45 indikator bagi 11 komponen. Ia menunjukkan bahawa IKHM meningkat sebanyak 11.9 mata dan komponen pendidikan mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 20.4 mata diikuti oleh pengangkutan, komunikasi dan perumahan sepertimana yang dipaparkan pada Jadual 1. Perkara ini jelas memperlihatkan bahawa perhatian dari segi pendidikan dan pembelajaran sangat diambil berat dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Walaubagaimanapun, komponen alam sekitar, kehidupan keluarga, dan persekitaran kerja mempunyai peningkatan yang minimum iaitu 6.6 mata dan 4.6 mata sahaja (Unit Perancang Ekonomi, 2012:6).

Jadual 1: Pencapaian Keseluruhan Indeks Kualiti Hidup Malaysia Dari Tahun 2000-2010

| Komponen | Sub-indeks |
|---------------------------------------|-------------------|
| Pendidikan | 120.4 |
| Pengangkutan dan Komunikasi | 120.3 |
| Perumahan | 115.7 |
| Kebudayaan dan Liburan | 113.5 |
| Pendapatan dan Pengagihan | 113.3 |
| Keselamatan Awam | 110.8 |
| Kesihatan | 110.5 |
| Penyertaan Sosial | 110.1 |
| Alam Sekitar | 106.6 |
| Kehidupan Keluarga Persekitaran Kerja | 104.6 |
| Indeks Kualiti Hidup Malaysia | 111.9 |

Nota: Tahun Asas 2000 = 100

(Sumber: Unit Perancang Ekonomi, 2012:6)

Dalam hubungan ini, konsep pembelajaran sepanjang hayat dilihat mempunyai impak yang besar terhadap kualiti hidup rakyat Malaysia secara umumnya. IKHM pendidikan ternyata memberi impak yang tinggi kepada komponen kehidupan lain manusia seperti komponen alam sekitar, kehidupan keluarga, dan persekitaran kerja. Sekiranya komponen lain disamping pendidikan tidak mempunyai kualiti yang memuaskan, ia bermakna komponen pendidikan yang ada itu masih lemah untuk menjadi faktor sokongan kepada komponen penting kehidupan manusia yang lain. Disinilah jelas bahawa pendidikan itu memerlukan pembelajaran sepanjang hayat yang dapat menjadi pembekal ilmu kepada setiap generasi yang ada. Dalam hal ini, gagasan dan perancangan PISH yang berterusan sudah tentu akan memberi sumbangan besar bukan sahaja kepada indeks kualiti hidup rakyat Malaysia, tetapi yang lebih pentingnya kepada pembangunan sumber manusia dan kelestarian ilmu pengetahuan Islam kepada generasi pembangun negara.

HALATUJU PEMBANGUNAN NEGARA DALAM MENCAPAI KELESTARIAN INDUSTRI DAN EKONOMI

Dasar Wawasan Negara (DWN) telah dilancarkan pada tahun 2001 adalah merupakan pembangunan dekad kedua Wawasan 2020 yang menumpukan kepada meningkatkan keutuhan dan daya saing negara. Ia termasuklah membangunkan Malaysia sebagai sebuah masyarakat berasaskan pengetahuan, menjana pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh sumber dan kekuatan domestic (Unit Perancang Ekonomi, 2013). Kelestarian pembangunan yang disebutkan ini mencakupi program pembangunan yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi secara

berterusan. Pembangunan yang dimaksudkan ini mestilah diusahakan oleh sekumpulan sumber tenaga manusia yang mempunyai kelayakan tinggi, yang mampu mengurus teknologi dan pengurusan inovasi sejajar dengan peluang-peluang dalam lingkungan kemahiran mereka dan memberikan manfaat seperti peluang pekerjaan yang lebih baik, kedudukan yang baik bagi perniagaan baharu untuk berkembang, dan sistem demokrasi yang lebih baik pada setiap tahap pembuatan keputusan (Chamhuri et al., 2011).

Kelestarian sumber manusia menjana pembangunan dan pertumbuhan semula peribadi dan sumber profesional yang boleh meningkatkan keupayaan fungsi pembangunan ekonomi (Yusoff, 2014). Pihak kerajaan Malaysia contohnya, sentiasa menekankan tentang pentingnya setiap ahli masyarakat terlibat dalam proses pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkat ilmu mereka dalam setiap proses dan kemahiran yang berlaku sama ada dari segi teknologi baru atau penemuan baru atau penambahbaikan ilmu sedia ada. Bagi membentuk rakyat negara ini sebagai masyarakat yang menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai budaya, kerajaan telah meletakkan tumpuan dan keprihatinan yang tinggi menerusi perancangan ekonomi Malaysia dan penambahbaikan dasarnya dalam sistem pembelajaran negara. Perkara ini juga telah ditekankan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dimana semua agensi yang terdapat dalam masyarakat digalakkan untuk menjadi penyumbang kepada pendidikan dan perubahan pendidikan negara (Mohd. Sufi, 2009).

HUBUNGKAIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN EKONOMI DAN INDUSTRI

Pembangunan ekonomi dan industri memerlukan penggerak utama iaitu manusia untuk menjalankan aktiviti yang berbentuk fizikal, komersial dan kognitif dan psikososial. Aspek fizikal melibatkan pertumbuhan dan perubahan dalam tubuh manusia (fisiologi). Aspek kognitif pula melibatkan proses mental yang berkaitan dengan kebolehan dalam persepsi, ingatan, berhujah, kreativiti, dan kemahiran bahasa. Manakala aspek psikososial melibatkan pembangunan peribadi, kemahiran berinteraksi sesama manusia, kebolehan mengenal diri, emosi, kemahiran sosial dan perlakuan (Mohd Balwi, 2005:35-37). Manakala untuk persediaan menjadi sebuah negara maju, sektor komersial atau pembuatan perlu ditingkatkan dan ditambah nilai. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran modal insan adalah amat perlu untuk melahirkan pekerja yang berkemahiran tinggi dan separa mahir. Ini juga adalah satu langkah dalam mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan memberi peluang kepada warga nasional. Kajian oleh Bank Dunia menunjukkan bahawa untuk setiap 10 orang buruh asing, 5.2 peratus peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi akan diwujudkan untuk rakyat Malaysia. Ini bukan sahaja hanya tertumpu kepada golongan yang baru menamatkan pengajian, tetapi juga termasuk pekerja

yang sudah berada di dalam pasaran buruh melalui proses pembelajaran sepanjang hayat serta latihan sambil bekerja untuk meningkatkan kepakaran mereka (Omar, 2015).

Dalam masa yang sama, perubahan zaman telah mendedahkan manusia dengan kronologi kehidupan yang pelbagai. Ada diantaranya membawa kepada kebaikan dan juga sebaliknya. Isu sosial kadangkala menjadi masalah kepada pembangunan lestari. Dalam hal ini Mohd. Sufi (2009), mengaitkan hal ini dari sudut transformasi sosial yang mana banyak perubahan radikal dalam kehidupan memberi impak ketara terhadap tabii kerja dan gaya hidup manusia. Perubahan ini menjadi cabaran kepada individu serta masyarakat dan hanya melalui pembelajaran yang berterusan, cabaran tersebut dapat diatasi serta ia boleh diolah semula sebagai sesuatu yang memberi manfaat dan kesenangan kepada pembangunan manusia dan negara secara amnya.

Laporan Paul Lengrand dari Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dianggap sebagai perintis kepada konsep pembelajaran sepanjang hayat (Mohd. Sufi, 2009). Knassel, Meed dan Rossetti (2000) menyatakan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dapat dilihat daripada tiga aspek utama yang dikenali sebagai “*The Three Es*” iaitu *employment* (pekerjaan), *empowerment* (pendayaupayaan) dan *enjoyment* (keseronokan)”. Pendayaupayaan ialah apabila seseorang individu berupaya mendapat pekerjaan yang diingini melalui kesungguhan mempelajari sesuatu yang baru. Manakala apa yang dimaksudkan dengan keseronokan di dalam pembelajaran sepanjang hayat ialah keseronokan yang didapati oleh mereka yang cintakan ilmu dan seterusnya memberi sumbangan kepada negara dalam mencapai daya saing yang tinggi. Hasil kecemerlangan ini, secara tidak langsung individu akan mempunyai lebih keupayaan untuk menentukan halatuju yang ingin dicapai. Program PSH dilihat sangat penting bagi menyediakan negara dengan masyarakat berkemahiran tinggi. Menjelang tahun 2020, unjuran penduduk Malaysia adalah seramai 34.2 juta orang dan golongan pekerja yang berada dalam lingkungan umur antara 15 hingga 64 tahun adalah seramai 26.2 juta orang.

Namun begitu, terdapat kekurangan dalam penetapan strategi yang dirancang untuk memartabatkan pembangunan modal insan kerana aspek kerohanian kurang diberikan tumpuan. Maka sebagai pelengkap kepada Pelan Induk PSH tersebut, mantan Timbalan Perdana Menteri sewaktu Perhimpunan Agung UMNO pada 7 Disember 2013 mencadangkan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dijadikan dasar utama negara. Pengembelingan ilmu dunia dan akhirat yang ada didalam PISH diharapkan dapat menyediakan modal insan yang berkualiti dimana penggunaan ilmu, kemahiran, informasi dan sumber dapat ditingkat secara optimum sehingga berjaya meningkatkan tahap pembangunan ekonomi dan kehidupan dengan cemerlang. Oleh itu, PISH yang mempunyai nilai lengkap dalam membangunkan manusia adalah menjadi faktor pemangkin dalam menyediakan input pembelajaran bagi

merealisasikan keseimbangan manusia dari segi fizikal, kognitif dan juga psikososial.

PEMBANGUNAN SEIMBANG MELALUI PEMBELAJARAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH)

Konteks pembelajaran sepanjang hayat di dalam Islam adalah sangat jelas kerana Islam menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu dalam pelbagai bidang untuk manfaat manusia. Ia bermaksud bahawa ilmu yang dipunyai oleh manusia tidak pernah cukup malah manusia di galakkan untuk mempelajari sesuatu yang tidak diketahui olehnya supaya menjadi seseorang yang lebih tahu. Pembelajaran yang sebegini dapat memperbaiki kehidupan seseorang manusia melalui peningkatan kemahiran kerja, pengislahan sahsiah diri dan bertambahnya ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang (Mohd. Sufi, 2009). Terdapat tiga faktor utama yang dijadikan kayu ukur dalam melihat keberhasilan pembangunannya iaitu ekologi, sosial dan ekonomi. Ekologi dilihat dari sudut kebersihan, kehijauan dan sumber aslinya. Ekonomi dilihat dari sudut teknologi, keuntungan, dan daya saingnya. Manakala sosial dilihat dari sudut tenaga manusia dan kehidupan manusia itu sendiri secara menyeluruh. Ketiga-tiga unsur tersebut sebenarnya mendapat perhatian yang cukup besar dalam Islam, iaitu sebagai faktor penting dalam pembangunan manusia itu sendiri. Contohnya aktiviti memelihara dan memulihara kelestarian alam sekitar merupakan kewajipan kepada setiap manusia.

Keadaan ini telah direalisasikan melalui pandangan Islam yang menitikberatkan alam sekitar yang bersih untuk meneruskan hidup dan menjamin kesihatan (Abu Bakar & Syed Idros, 2007). Namun begitu, didalam Islam, faktor manusialah yang lebih berperanan dalam membentuk sesebuah pembangunan negara tersebut. Pembangunan manusia dapat dimulai dengan meningkatkan kemampuan individu, organisasi dan masyarakat melalui pendidikan. Modal insan menurut perspektif Islam ialah satu keunggulan keperibadian yang dimiliki oleh manusia melalui penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan akhlak yang mulia dalam konteks melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi sesuatu pekerjaan. Didalam Islam, asas kebolehpayaan dan daya saing seseorang individu itu adalah berasaskan kepada ciri-ciri yang telah digariskan didalam al-Quran (Nazirmuddin & Ahmad, 2011:14) sepertimana ayat-ayat berikut:-
“*Manusia sebagai sebaik-baik ciptaan Allah.*” (Surah at-Tin ayat 4, dan Sajadah ayat 7); “*Manusia sebagai khalifah*” (al-Baqarah ayat 30); “*Manusia diberi kelebihan dan kekuatan ilmu*” (al Baqarah:33); “*Manusia makhluk yang dimuliakan Allah dengan segala kemudahan bagi mentadbir dan mengurus alam*” (al-Isra:70); “*Manusia di lengkapkan dengan pendengaran, penglihatan dan perasaan bagi menjalani kehidupan di dunia ini*” (As-Sajadah :7); “*Manusia perlu menjadikan dirinya sebagai hamba Allah dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diterimanya*” (Az-Zariat:56).

Kenapa Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat?

Ilmu pengetahuan Islam dan pembangunan merupakan satu gandingan utuh yang saling memerlukan diantara satu sama lain. PISH merupakan amalan kehidupan dan nafas peradaban. Firman Allah SWT dalam Surah al-Zumar (39:9), yang bermaksud “.....*Katakanlah lagi (kepadanya): 'Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna'*”. Diantara objektif PISH adalah untuk memberikan kesinambungan pendidikan Islam yang berterusan kepada setiap lapisan masyarakat (Mohd Esin, Mansor, & Mustafa Kamal, 2014). Dalam hal ini, pendidikan adalah alat untuk memantapkan kognitif, fizikal dan roh bagi melahirkan individu yang ideal dan holistik (Ahmad, 1975). Selain itu, Andi Galigo (2007) pula melihat tiga aspek yang perlu diberi perhatian dalam merekayasa modal insan yang beracuankan Islam iaitu melalui pegangan akidah yang teguh, pengamalan kolektif akhlak mulia serta wawasan iman dan muamalah.

Peri pentingnya untuk seseorang individu Islam mempraktikkan pembelajaran Islam sepanjang hayat (PISH) kerana ia merupakan satu simbol kehidupan manusia yang memartabatkan ilmu dalam semua aspek kehidupan. Darjat orang-orang yang berilmu dengan yang tidak beriman amat jauh bezanya. Perkara ini telah dijelaskan didalam al-Quran, Firman Allah SWT dalam Surah al-Mujadalah, ayat 11 yang bermaksud “*Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat*”. Hakikat Islam itu menyuruh umatnya untuk memperdalamkan ilmu pengetahuan tentang Islam disepanjang kehidupan didunia ini ditekankan lagi dalam Surah at-Taubah, ayat 122, yang bermaksud “*Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya*”. Ianya adalah untuk tujuan memberi peringatan kepada manusia yang lain tentang perkara yang ditegah Allah, perkara yang tiada manfaat dan perkara yang membawa kepada keburukan dan mudharat dalam kehidupan. Ianya adalah untuk menjadikan kehidupan manusia itu seimbang dalam menjalani kehidupan ini, tahu membezakan yang mana baik dan menjauuhkan segala faktor keburukan lebih-lebih lagi dalam membangunkan sesebuah negara maju.

Bagaimanakah PISH Dapat Melahirkan Keseimbangan Pada Diri Manusia?

Allah SWT menjadikan umat Islam sebagai umat pertengahan, iaitu umat yang mempunyai faktor keseimbangan. Sepertimana Firman Allah SWT, dalam Surah al-Baqarah, ayat 143, yang bermaksud “*Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu*”. Sikap keseimbangan diri manusia yang dimaksudkan disini adalah

keseimbangan yang mempunyai ciri-ciri individu yang berilmu, berkeyakinan, berakhlak mulia, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Keseimbangan sifat yang beginilah yang mampu melonjakkan ekonomi negara sekaligus menjadi faktor penggerak pembangunan dan perpaduan negara. Dalam hal ini PISH dilihat mempunyai nilai bersepadu yang mampu membentuk generasi akan datang dalam melaksanakan pembangunan holistik dalam diri individu Muslim sekaligus menjadi faktor penyumbang kepada pembangunan modal insan negara. PISH, persekitaran, dan teknologi kemajuan kehidupan adalah saling berkaitan untuk membentuk kelestarian ekosistem dan pembangunan masa hadapan.

Bagaimana PISH Dapat Menyumbang Dalam Pembangunan Lestari Negara?

Islam menghendaki pengetahuan yang benar-benar dapat membantu kemakmuran dan kesejahteraan hidup manusia. Ternyata PISH mempunyai dasar nilai murni bertujuan melahirkan generasi manusia yang sejahtera dari segi keilmuan dan juga kehidupan, termasuk pembangunan industri dan ekonomi. Dalam hubungan dunia keilmuan PISH dan pembangunan lestari, intipati yang ditekankan adalah tentang larangan manusia membuat kejahatan dan kerusakan di muka bumi ini. Tugas manusia adalah sebagai pengelola alam ini iaitu untuk membangunkannya secara lestari tetapi bukan merosakkannya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas, ayat 77, yang bermaksud "*Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.*" Manusia dan alam merupakan dua komponen utama dalam ekosistem kehidupan manusia. Kedua-duanya telah diwujudkan bersama, saling bergantung dan saling berkaitan. Jika salah satu mengalami kepupusan atau bermasalah, keseluruhan ekosistem kehidupan akan musnah termasuklah manusia (Markom & Hassan, 2014).

Ianya juga adalah satu manifesto yang memegang kepada prinsip keseimbangan dalam pembangunan dimana pembangunan yang seimbang dan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkukuhkan perpaduan negara (Kementerian Penerangan Malaysia, 2014). Dalam usaha membangunkan modal insan dalam kalangan rakyat Malaysia, kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar supaya matlamat untuk melahirkan modal insan dapat dicapai sekaligus dapat mewujudkan golongan rakyat yang kuat bekerja di samping memiliki nilai-nilai murni yang diharapkan. Semuanya bermatlamat untuk meningkatkan produktiviti dan mempunyai daya saing di peringkat global. Dasar-dasar yang dilaksanakan merangkumi aspek pendidikan,

latihan dan kesihatan (Nazirmuddin & Ahmad, 2011:16). Sepertimana yang telah digariskan oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju dalam semua segi iaitu dari segi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan, dan kecemerlangan ekonomi (Kementerian Penerangan Malaysia, 2014).

Gagasan PISH yang menekankan tentang melahirkan generasi seimbang yang mampu berdaya saing, mempunyai akhlak mulia, berdedikasi, dan mampu melahirkan idea bernas serta berwawasan, sesungguhnya adalah satu langkah yang bertepatan dengan dasar Malaysia kearah negara maju. Program PISH juga diharapkan agar mampu meningkatkan keupayaan aksesibiliti komuniti terhadap peluang mempelajari kemahiran dan mendalami ilmu pendidikan Islam (Mohd Esin et al., 2014). Dalam konteks ini, nilai-nilai agama juga mestilah disemai di hati semua masyarakat, ini adalah penting kerana jika ada pegangan agama maka tidak akan berlaku penyelewengan atau sesuatu gejala yang tidak baik dan akan merosakkan pembangunan yang sedia ada. Sekiranya nilai agama yang diterapkan ini dapat dihayati maka pembangunan yang adil dapat diwujudkan dan juga akan dapat dikekalkan. Pembangunan ekonomi sebenarnya tidak terasing dengan pembangunan sosial kerana pembangunan ekonomi pada dasarnya adalah dilihat sebagai pembangunan manusia yang mencakupi pembangunan sosial dan keluarga.

Pengukuhan sesebuah bangsa dan negara amat bergantung kepada keampuhan nilai keagamaan modal insan dan ini dapat dicapai menerusi pendidikan (Noordin & Dan, 2002). Al-Quran dan Sunnah pula haruslah dijadikan panduan dalam mendasari pendidikan kerana pendidikan dalam Islam mempunyai hubungkait dengan aspek jasmani dan rohani serta merupakan suatu bentuk kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Pembinaan dan penekanan kedua-duanya haruslah diseimbangkan bagi mengembalikan kegemilangan tamadun Islam seperti mana yang telah ditunjukkan pada zaman awal Islam. Maka, selain memartabatkan budaya PSH dalam kalangan rakyat Malaysia, Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) juga perlu diberi perhatian bagi melahirkan generasi Ulul Albab yang akan membentuk kekuatan ummah dalam membangunkan ekonomi dan industri negara.

KESIMPULAN

Dengan kelebihan akal dan hati yang ada pada diri manusia, nescaya pembelajaran Islam sepanjang hayat yang digembeling dengan ilmu kemahiran moden, dapat membangunkan manusia supaya mampu menjadi faktor pelancar dalam ekonomi dan industri negara sekaligus dapat memahami fenomena yang ada di sekitarnya, termasuk menangani isu-isu sosial dalam masyarakat dan persekitaran. Kelestarian dalam pembangunan negara dan keseimbangan ilmu yang ada dalam diri manusia akan melahirkan satu penggembelingan ilmu dan usaha yang dapat menjana ke arah negara maju yang seimbang dan teratur.

Dapatlah disimpulkan disini bahawa PISH membawa kepada keseimbangan ilmu generasi pembangun negara dalam aspek-aspek berikut iaitu; keseimbangan ilmu dunia dan akhirat (ilmu dunia dipelajari dan didalami, tetapi ilmu akhirat juga menjadi faktor seimbang supaya tiadanya gejala tamak haloba, mengerjakan sesuatu yang haram, menindas golongan miskin, tiada rasa belas kepada anak yatim dan orang susah), keseimbangan ilmu dan amalan kehidupan (ilmu yang dipelajari membawa manusia kepada sifat kesederhanaan dalam semua perkara, akhlak yang mulia dipraktiskan dalam diri sendiri, organisasi dan masyarakat), keseimbangan ilmu dan praktis tindakan (ilmu menjadi faktor keseimbangan dalam membuat keputusan tentang berbagai perkara yang melibatkan diri sendiri, organisasi dan negara), keseimbangan ilmu dan aspek fizikal manusia (ilmu menjadi faktor keseimbangan dalam penjagaan diri, kesihatan tubuh badan dan kesejahteraan masyarakat) dan keseimbangan ilmu serta cita-cita masa depan (bagaimana keseimbangan ilmu itu menjadi faktor pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara secara lestari). Sesungguhnya generasi seimbang hasil jalinan ilmu PISH mampu berharmoni dengan alam sekitarnya, tahu menggunakan sumber alam secara bijaksana dan mempunyai hati yang sentiasa bersyukur untuk bersama-sama membangunkan diri sendiri, masyarakat dan negara secara lestari.

RUJUKAN

- Al-Quran. Terjemahan Bahasa Malaysia. Muat turun September 1, 2016 daripada <http://www.surah.my/>.
- Abu Bakar, H & Syed Idros, S. N. (2007). Pemeliharaan alam tabii bersumberkan pengetahuan Islam. *Jurnal Pendidikan Sains*, 7(1), 31-44.
- Ahmad, K. (1975). *Islam: its meaning and message*. London: Islamic Council of Europe.
- Andi Galigo, S. B. (2007). Penelitian Terhadap Dakwah Islamiah. Dlm. Mohd Radhi Ibrahim, Abdul Rahim Arsyad, Roslizawati Ramli, Marina Munira Abdul Mutalib. (Penyt). *Intelektualisme & Dakwah Masa Kini*. hlm 37. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Choy, E. A., Nur Azlin Mohamad Awal & Mohd Fakhurulrazi Shamsudin. (2015). Kesedaran awam terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi: Kes Taman Wetland, Putrajaya. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*. 11(8), 13-26.
- Dale, A. & Newman, L. (2005). Sustainable development, education and literacy. *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 6(4), 351-362.
- Kementerian Penerangan Malaysia. (2014). Dasar pembangunan nasional. Muat turun September 13, 2016 daripada <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/241-dasar-pembangunan-nasional-dpn-.html>

- Knassel, E. Meed, J. & Rossetti, A. (2000). *Learn for your life: A blueprint for continuous learning*. New Jersey, USA: Financial Times/ Prentice Hall.
- Markom, R. & Hassan, N. (2014). Kelestarian alam sekitar dan pembiayaan teknologi hijau dari perspektif undang-undang syariah. 26 Kanun (2), 268-287.
- Martens, P. (2007). *Sustainability, science and education: The needs for new paradigms*. The International Workshop on Sustainability Education. 13 February 2007, Osaka, Japan.
- Mohd Balwi, M. K. (2005). Pembangunan luar bandar di Malaysia: Gerakan desa wawasan (GDW) sebagai mekanisme pembangunan masyarakat luar bandar. *Jurnal Teknologi*, 42(E) Jun, 31-48. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Esin, M. Z., Mansor, N. & Mustafa Kamal, M. S. (2014). Pendidikan Islam sepanjang hayat (PISH). Membina hubungan dan merapatkan ukhuwah. Prosiding Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2014. Pp 317-320.
- Mohd. Sufi, S. S. (2009, Mei 22). Islam menuntut pembelajaran sepanjang hayat. Arkib Utusan Online. Muat turun September 15, 2016 daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0522&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm
- Munasinghe, M. (2008). The sustainomics trans-diciplinary meta-framework for making development more sustainable: Application to energy issues. *International Journal of Sustainable Development*, 4, 6-54.
- Nazirmuddin, N. I. & Ahmad, N. (2011). *Pembangunan modal insan di Malaysia: Satu analisis dari perspektif al-Hadis*. Didalam Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Ahmad Shah (Penyt.). Sunnah Nabi realiti dan cabaran semasa. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Noordin, T. A. & Dan, N. (2002). Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Omar, Z. (2015). *Penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, 2015*. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Muat turun September 14, 2016 daripada https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul14_03_2016.pdf
- Othman, Z. & Pon, Y. (2005). *Pengantar teori pembangunan dunia ketiga*. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Siwar, C., Damanhuri, N. A. & Aziz, S. A. (2011). Rancangan pembangunan Malaysia: Isu tukar-ganti (*trade-off*) antara pertumbuhan dengan kelestarian. *International Journal of Management Sciences*, 18 (Special Issue), 7-33.
- Unit Perancang Ekonomi. (2012). *Kualiti hidup Malaysia 2011*. Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya.
- Unit Perancang Ekonomi. (2013). *Pembangunan ekonomi. Dasar-dasar pembangunan. Ke Arah Keutuhan dan Daya Saing Negara, 2001 - 2010*. Muat turun September 13, 2016 daripada

[http://www.epu.gov.my/economichistory?p_p_id=56_INSTAN
CE_e9Lo&p_p_](http://www.epu.gov.my/economichistory?p_p_id=56_INSTAN
CE_e9Lo&p_p_)

World bank. (2016). Overview of sustainable development. Muat turun
September 12, 2016 daripada [http://www.worldbank.org/
en/topic/sustainabledevelopment/overview#1](http://www.worldbank.org/
en/topic/sustainabledevelopment/overview#1)

Yusoff, N. (2014). Pengaruh modal sosial ke atas pencapaian pendidikan:
Kelestarian insan dalam pembangunan. Prosiding Persidangan
Antarabangsa Kelestarian Insan 2014. Batu Pahat, Johor, 9 - 10
April 2014.

